

FOTO: AZIAH DAN ADI SAFRI



PELAJAR UPM membuang undi di UPM Serdang.

REAKSI calon yang memenangi kerusi pada sesi pengumuman di Dewan Putra 1, UPM.

Kemenangan luar jangkaan

■ Mahasiswa Putra menang 33 kerusi daripada 45 dipertandingkan pada pilihan raya MPP UPM

Oleh Siti Farahiyah Aziz
am@hmetro.com.my
Serdang

Kumpulan proaspirasi yang dikenali sebagai Mahasiswa Putra (MP) menang majoriti kerusi yang dipertandingkan pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 33 kerusi daripada 45 kerusi Pilihanraya Kampus bagi sesi 2015/2016.

Calon yang mendapat undian tertinggi 5,572 Mohammad Aizat Abdul Wahit, 21 berkata, kemenangannya di luar jangkaan kerana dia perlu bersaing

dengan lebih ramai calon lain dari kategori Umum dan Fakulti.

“Untuk memastikan saya mampu bersaing dengan calon lain, saya mendekati diri dengan pelajar lain melalui pengagihan risalah yang mempunyai manifesto diperjuangkan secara terus supaya pengundi lebih me-

ngenali dan memahami perkara yang saya perjuangkan.

“Antara manifesto yang saya perjuangkan adalah menganjurkan program yang dapat membantu pembangunan mahasiswa dan sifat sendiri serta mewujudkan sistem merit berkomputer,” katanya

ketika ditemui di Dewan Kolej 13, UPM di sini, selepas pengumuman keputusan pengundian itu semalam.

Proses pengundian di UPM berjalan lancar membabitkan 24,000 pelajar memilih 45 ahli MPP bagi sesi 2015/2016.

Pengerusi Jawatankuasa

Induk Pemilihan MPP 2015 Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, sesi pembuangan undi membabitkan enam lokasi iaitu lima lokasi di Kampus UPM di Serdang dan satu di Bintulu bermula 9 pagi hingga 4 petang dengan menggunakan sistem e-undi.